

## TERMA & SYARAT PERADUAN

### 1. Terma-terma Ini

- 1.1. Terma & Syarat Peraduan **Ini** (yang merangkumi **Butiran Peraduan**) menetapkan asas untuk penyertaan dalam Peraduan yang dinyatakan di bawah.
- 1.2. Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini **anda bersetuju** dengan Terma & Syarat Peraduan ini.
- 1.3. **Notis Privasi** yang dilampirkan kepada atau sebaliknya disediakan berhubung dengan Terma & Syarat Peraduan ini hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada terma-terma Peraduan ini.
- 1.4. Penganjur berhak untuk meminda Terma & Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

### 2. Butiran Peraduan

<b>Peganjur</b>	<b>Entiti Unilever</b> : Unilever (Malaysia) Holdings Sdn. Bhd. <b>Alamat Berdaftar/Utama:</b> Tingkat 34, Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur;
<b>Peraduan</b>	Unilever 'Gorgeous beautiful hair this new year' 2019
<b>Hadiah</b>	<i>Jumlah hadiah keseluruhan:</i> <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Hadiah Utama: Wang Tunai RM28,888 x 1 pemenang (keseluruhan)</i></li><li>• <i>Hadiah Pertama: Wang Tunai RM2,888 x 10 pemenang (keseluruhan)</i></li><li>• <i>Hadiah Mingguan: Wang Tunai RM188 x 60 pemenang (10 pemenang setiap minggu x 6 minggu)</i></li></ul>
<b>Pemilihan Pemenang</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Setiap penyertaan akan diberi nombor serial berdasarkan Bukti Pembelian yang berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>a. SATU (1) nombor siri untuk setiap pembelian produk rambut Unilever berikut: CLEAR, DOVE, LUX LUMINIQUE, LUX BOTANIFIQUE, , SUNSILK berjumlah minima RM18 dan ke atas.</li><li>b. Setiap gandaan RM18 akan diberi SATU (1) Nombor Siri, sebagai contoh RM18 = 1 Nombor Siri, RM36 = 2 Nombor Siri, RM54 = 3 Nombor Siri. Pembelian RM60.90 = 3 Nombor Siri.</li><li>c. Jumlah maximum Nombor Siri yang diberi untuk SATU (1) resit ialah 5.</li></ol></li><li>2. Pembelian lebih akan menambah peluang anda untuk memenangi Peraduan ini. Pemenang akan dipilih berdasarkan perkara berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>a. Penyertaan peraduan yang lengkap, dengan jawapan yang betul dan Bukti Pembelian yang sah akan dianggap sebagai penyertaan yang sah.</li><li>b. Bagi pemilihan pemenang mingguan, jumlah nombor siri mingguan (sah) akan dibahagikan dengan jumlah hadiah mingguan yang diperuntukkan untuk pertandingan ini, iaitu SEPULUH (10) dalam setiap minggu</li><li>c. Bagi pemilihan pemenang Hadiah Utama jumlah nombor siri (sah) akan dibahagikan dengan DUA (2).</li><li>c. Bagi pemilihan pemenang Hadiah Pertama, jumlah nombor siri (sah) akan dibahagikan dengan jumlah hadiah yang diperuntukkan untuk pertandingan ini, iaitu SEPULUH (10)</li></ol></li></ol> <p>i) Pemilihan senarai pendek pemenang mingguan: jumlah hadiah yang diperuntukkan untuk hadiah mingguan adalah SEPULUH (10); maka jumlah nombor siri yang sah akan dibahagikan dengan</p>

	<p>SEPULUH (10) untuk menentukan nombor siri yang berjaya. Sebagai contoh, jika jumlah nombor siri mingguan (sah) adalah 1800, ini akan dibahagikan dengan 10. Peserta dengan nombor siri dalam gandaan 180, seperti nombor siri ke-180, ke-360, ke-540, ke-720 dan sebagainya akan disenarai pendek sebagai pemenang peraduan mingguan.</p> <p>ii) Peserta yang telah disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan peraduan tambahan melalui telefon. Setiap Peserta yang disenarai pendek mesti menjawab soalan tersebut dengan betul untuk memenangi hadiah peraduan. Penganjur akan menghubungi Peserta yang disenarai pendek melalui butiran hubungan yang diberikan (semasa penyertaan). Peserta digalakkan untuk mengekalkan nombor hubungan mereka. Sekiranya Peserta gagal memberikan jawapan yang betul kepada soalan tersebut, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta dan menarik balik hadiah tersebut dan Peserta seterusnya akan dipilih mengikut budi bicara Pihak Penganjur. Sekiranya peserta memberikan jawapan yang betul, dia akan dipilih sebagai pemenang Peraduan ini.</p>
<b>Syarat-Syarat Penyertaan</b>	<p>Terbuka kepada semua warga Malaysia yang menetap di Semenanjung Malaysia yang memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah</p> <p>Umur minima: 18 tahun</p> <p><i>Sekiranya peserta berumur bawah 18 tahun pada tarikh penyertaan, peserta perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan atas permintaan oleh Penganjur, mereka akan dikehendaki menunjukkan kebenaran bertulis itu</i></p>
<b>Peserta yang Tidak Layak</b>	<p>Mana-mana yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• [Ejen, pengedar, agensi pengiklanan dan organisasi lain yang dikaitkan secara komersil dengan Penganjur dan setiap syarikat induk, sekutu, bahagian, subsidiari, ejen dan wakil masing-masing];</li> <li>• [Pekerja dan pengarah Penganjur [termasuk keluarga dan orang yang tinggal bersama mereka]];</li> <li>• [Pemegang Saham dalam Penganjur];</li> </ul>
<b>Arahan Penyertaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membeli mana-mana produk rambut Unilever berikut: CLEAR, DOVE, LUX LUMINIQUE, LUX BOTANIFIQUE, SUNSILK berjumlah minima RM18 dan ke atas di dalam satu resit dari kedai-kedai ataupun kedai online terlibat dan menyimpan resit asal sebagai Bukti Pembelian</li> <li>• Jawab SATU (1) soalan peraduan “Berapakah jumlah hadiah yang akan diberikan sepanjang peraduan ini?”</li> <li>• Ambil gambar resit pembelian (dengan jelas dan penuh) dan hantar <b>JAWAPAN</b> dan <b>GAMBAR RESIT</b> melalui WhatsApp/MMS ke nombor <b>018 382 4246</b></li> </ul>
<b>Tarikh Mula / Tutup Peraduan</b>	<p>Tarikh Mula: 1 Januari 2019</p> <p>Tarikh Tutup: 15 Februari 2019</p> <p>Tempoh peraduan mingguan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minggu 1: 01 Januari – 12 Januari 2019</li> <li>• Minggu 2: 13 Januari – 19 Januari 2019</li> <li>• Minggu 3: 20 Januari – 26 Januari 2019</li> <li>• Minggu 4: 27 Januari – 02 Februari 2019</li> <li>• Minggu 5: 03 Februari – 09 Februari 2019</li> <li>• Minggu 6: 10 Februari – 15 Februari 2019</li> </ul>
<b>Syarat-Syarat Lain Peraduan</b>	<p>Simpan resit asal (“<b>Bukti Pembelian</b>”) agar berpeluang memenangi Peraduan ini. Penganjur boleh meminta Peserta mengemukakan Bukti Pembelian untuk penebusan hadiah sekiranya peserta dipilih sebagai</p>

	pemenang.
<b>Pemberitahuan Kemenangan dan Penebusan Hadiah</b>	<p>Pemberitahuan kemenangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah – Melalui mesej WhatsApp dan melalui laman web <a href="http://http://haircny.ulmcontest.com/">http://http://haircny.ulmcontest.com/</a></li> <li>• Masa: 45 – 60 hari selepas tamat tempoh peraduan untuk hadiah utama dan hadiah pertama.</li> <li>• Masa : 2 minggu selepas tamat mingguan peraduan untuk hadiah mingguan.</li> </ul> <p>Tuntutan Hadiah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah – Melalui tuntutan di ofic agensi peraduan dan/atau melalui kurier / poslaju</li> <li>• Masa – 30 hari selepas pemberitahuan kemenangan</li> </ul>
<b>Pembelian Diperlukan</b>	Membeli mana-mana produk rambut Unilever berikut: CLEAR, DOVE, LUX LUMINIQUE, LUX BOTANIFIQUE SUNSILK berjumlah minima RM18 dan ke atas di dalam satu resit dari kedai-kedai ataupun kedai online terlibat dan menyimpan resit asal sebagai Bukti Pembelian.

### 3. Asas Peraduan

- 3.1.** Peraduan **ini adalah:**
- terbuka** kepada mereka yang memenuhi **Syarat-Syarat Penyertaan;**
  - tidak terbuka** kepada mereka yang tergolong dalam perihal **Peserta yang Tidak Layak** (walaupun mereka memenuhi Syarat-Syarat Penyertaan).
- 3.2.** Anda hendaklah mematuhi **Arahan Penyertaan.**
- 3.3.** Anda boleh **menghantar satu penyertaan sahaja/lebih daripada satu penyertaan.** Pengecualian kepada peraturan ini ialah apabila Butiran Peraduan dengan jelas dan secara khusus membenarkan beberapa penyertaan. Penyertaan tidak boleh dijana oleh komputer secara automatik atau jika tidak dihantar mengikut asas tidak wajar (sebagai contoh menggunakan beberapa nama, e-mel atau akaun media sosial untuk menyertai).
- 3.4.** Anda boleh **memenangi satu Hadiah Utama atau Hadiah Pertama DAN satu Hadiah Mingguan sahaja.** Pengecualian kepada peraturan ini ialah apabila Butiran Peraduan dengan jelas dan secara khusus membenarkan beberapa hadiah untuk dimenangi.
- 3.5.** Penganjur boleh pada bila-bila masa **melanjutkan, menggantung atau menamatkan** Peraduan mengikut budi bicara tunggalnya (yang mungkin atau tidak mungkin dikaitkan dengan peserta).

### 4. Penyertaan

- 4.1.** Penyertaan yang (i) tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan ini; atau (ii) tidak lengkap, rosak atau lewat, mungkin **ditolak, hilang kelayakan, disingkirkan dan/atau dihapuskan** oleh Penganjur.
- 4.2.** Penyertaan anda termasuk apa-apa bahan yang disediakan sebagai sebahagian daripada atau berhubung dengan penyertaan. Apabila penyertaan dalam Peraduan melibatkan peruntukan **bahan bertulis, dirakam, bergambar atau bahan lain** dalam bentuk elektronik atau bentuk lain, anda hendaklah memastikan penyertaan anda:
- adalah **(i)** sesuai untuk akses awam dan secara khusus tidak mengandungi kandungan bogel, lucah, menyentuh isu agama/budaya/politik, ganas, fitnah atau kenyataan fitnah, bahan yang dianggap menyalahi undang-undang/menyinggung perasaan atau boleh melanggar undang-undang Malaysia atau bahan-bahan yang berkemungkinan menjejaskan imej Penganjur atau mencalar reputasi Penganjur; dan **(ii)** tidak melanggar undang-undang yang berkenaan;

- b. tidak **mengandung atau merujuk kepada mana-mana produk atau jenama selain daripada yang mewakili Kumpulan Unilever** (melainkan kemasan sedemikian tidak disengajakan, tidak jelas dan secara wajar perlu disebabkan sifat penyertaan);
  - c. **adalah hasil usaha anda sendiri** dan tidak mengandungi sebarang harta intelek (termasuk hak moral) pihak lain melainkan anda telah mendapat kebenaran yang dikehendaki bagi peruntukan dan penggunaannya, pengeluaran semula dan urusan lain selaras dengan Terma & Syarat Peraduan ini (termasuk Fasal 4.3 di bawah);
  - d. hanya mengandungi nama **atau persamaan seseorang** sekiranya anda telah diberikan kebenaran bertulis (kebenaran daripada ibu bapa/penjaga sah diperlukan untuk mereka yang berumur bawah 18 tahun).
- 4.3. Anda memberikan kepada Penganjur (i) **pemilikan** bagi mana-mana penyertaan; dan (ii) hak kekal, tidak boleh dibatalkan, di seluruh dunia, bebas royalti, boleh disublesenkan dan boleh dipindah milik **untuk menggunakan**, mengeluarkan semula, mengedarkan dan membuat kerja derivatif bagi penyertaan anda, dalam mana-mana media dan melalui mana-mana saluran media. Anda tidak akan memberikan hak-hak ini kepada mana-mana pihak lain.

## 5. Tanggungjawab Penyertaan

- 5.1. Jika anda **menghantar penyertaan bagi pihak lebih daripada satu orang/pihak** (termasuk bagi pihak sebuah organisasi), anda hendaklah memastikan bahawa anda mempunyai kuasa untuk menerima terma-terma ini bagi pihak mereka dan memastikan mereka mematuhi terma-terma ini.
- 5.2. Anda hendaklah mematuhi Terma & Syarat Peraduan ini dan **tidak sebaliknya berusaha menyalahgunakan atau mengganggu proses dan peraturan Peraduan secara menyalahi undang-undang**.
- 5.3. Anda hendaklah membayar ganti rugi dan membela Penganjur dan anggota Kumpulan Unilever lain (termasuk pengarah, pegawai dan pekerja masing-masing) berhubung dengan semua liabiliti, kerugian dan kerosakan apa jua jenis **akibat daripada pelanggaran anda terhadap Terma & Syarat Peraduan ini**. Penganjur mengecualikan tanggungjawab terhadap liabiliti, kerugian dan kerosakan tersebut, walaupun tiada apa-apa dalam Terma & Syarat Peraduan ini dicadangkan untuk menghadkan liabiliti Penganjur bagi (i) penipuan; (ii) salah laku sengaja; atau (iii) kematian atau kecederaan diri yang disebabkan oleh kecuaiannya (termasuk pekerja dan ejennya).
- 5.4. Anda hendaklah membayar ganti rugi dan membela Penganjur dan anggota Kumpulan Unilever lain (termasuk pengarah, pegawai dan pekerja masing-masing) berhubung dengan apa-apa **tuntutan pihak ketiga** yang penyertaan anda atau penggunaannya selaras dengan Terma & Syarat Peraduan ini melanggar undang-undang berkenaan, kewajipan kerahsiaan atau hak harta intelek lain disebabkan oleh **pelanggaran anda terhadap Terma & Syarat Peraduan ini**.
- 5.5. Penganjur **tidak dalam apa jua keadaan bertanggungjawab terhadap:**
- a. kehilangan penyertaan, rosak atau lewat akibat daripada sebarang kegagalan rangkaian, perkakasan atau perisian komputer bagi apa jua jenis kejadian lain yang sama ada tidak dijangka atau di luar kawalan munasabah langsung Penganjur;
  - b. kos anda dalam menyediakan atau menghantar penyertaan.

## 6. Pemenang

- 6.1. Pemenang **akan dimaklumkan** menggunakan kaedah dan dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Butiran Peraduan.
- 6.2. Pemenang hendaklah menuntut Hadiah mereka menggunakan kaedah dan dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Butiran Peraduan. Jika Hadiah tidak dituntut selepas masa ini, hak untuk Hadiah akan luput dan Penganjur boleh menawarkan Hadiah tersebut kepada pemenang gantian yang dipilih menurut kaedah yang dinyatakan di dalam Butiran Peraduan (tanpa spesifikasi, asas adil yang diselaraskan dengan teliti mengikut kaedah pemilihan pemenang yang akan tertakluk kepada budi bicara mutlak Penganjur).
- 6.3. Penganjur boleh (mengikut budi bicaranya atau apabila dikehendaki oleh undang-undang) memberikan atau menyiarkan **butiran pemenang (nama dan tempat)**. Permintaan untuk

peruntukan/penyiaran hendaklah dihantar kepada butiran kenalan Penganjur di dalam Helaian Butiran tidak lewat dalam tempoh sepuluh minggu selepas tarikh tutup Peraduan.

- 6.4. Sekiranya wujud sebarang **ketidaktentuan atau perbezaan pandangan** berkaitan pengurusan Peraduan (termasuk pemberian Hadiah), keputusan Penganjur adalah muktamad (ini tidak menyingkirkan sebarang hak undang-undang). Rayuan atau pertanyaan tidak akan dilayan.
- 6.5. Sebarang **surat-menyurat** tidak sepatutnya berlaku antara anda dan Penganjur, melainkan diminta secara khusus oleh Penganjur.

## 7. Hadiah

- 7.1. Penganjur mungkin memerlukan **bukti pengenalan** sebelum melepaskan mana-mana Hadiah. Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah mereka bagi pihak mereka hendaklah memastikan bahawa wakil menyediakan surat kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang, salinan bukti pengenalan pemenang dan bukti pengenalan wakil.
- 7.2. Waranti berkanun terpakai tetapi sebaliknya Hadiah **diberikan 'seperti adanya'** tanpa sebarang waranti, perjanjian atau jaminan serta tidak boleh dipindah milik sama sekali, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditunaikan.
- 7.3. Komitmen Penganjur adalah untuk **memastikan ketersediaan Hadiah** selaras dengan dan tertakluk kepada terma-terma ini. Dengan itu, setiap pemenang bertanggungjawab terhadap mana-mana dan semua:
  - a. visa dan permit;
  - b. bahan api, barangan guna habis dan yang mengiringi;
  - c. penyenggaraan, pembaharuan lesen dan keperluan semasa atau berkala;
  - d. cukai dan liabiliti peribadi lain; dan
  - e. hal-hal kecergasan dan kemampuan fizikal,dan juga sebarang hal sampingan lain **yang diperlukan untuk**, atau timbul daripada, **penerimaan, penggunaan atau keseronokan Hadiah**.
- 7.4. Pemenang hendaklah mematuhi mana-mana **terma pihak ketiga**, misalnya terma penganjur acara, yang terpakai kepada Hadiah (ini akan disediakan atas permintaan).
- 7.5. Penganjur berhak untuk **menggantikan hadiah** untuk nilai alternatif yang sama atau lebih besar. Penganjur tidak bertanggungjawab untuk menawarkan alternatif tunai.
- 7.6. Jika penyertaan anda **kemudiannya hilang kelayakan**, mana-mana Hadiah yang diberikan hendaklah dipulangkan atas tanggungan anda sendiri atau pampasan diberikan apabila pemulangan tidak boleh lagi dilakukan.

## 8. Publisiti

- 8.1. Para pemenang, atas permintaan munasabah daripada Penganjur, akan mengambil bahagian dalam **publisiti** berkaitan dengan Peraduan ini. Ini mungkin termasuk video pemenang dirakamkan, gambarnya diambil dan/atau ditemu ramah oleh Penganjur atau bagi pihaknya.
- 8.2. Penganjur dibenarkan untuk menggunakan nama, imej, suara anda dan/atau seumpamanya bagi tujuan suntingan, pengiklanan, pemasaran dan/atau tujuan lain tanpa notis lanjut atau pampasan.
- 8.3. Penganjur mempunyai dan hak mutlak dan budi bicara untuk mengiklankan dan/atau menyiarkan dan/atau mencetak Rakaman dan/atau menggunakan slogan, nama atau nama samaran pada mana-mana program/saluran atau dalam mana-mana jua media, secara keseluruhan atau sebahagiannya, mengikut budi bicara Penganjur. Semua hak cipta yang wujud dalam Rakaman akan menjadi hak milik mutlak Penganjur

## 9. Pelbagai

- 9.1. Melainkan dinyatakan dengan jelas oleh Penganjur di dalam bahan Peraduan bertulis, Peraduan ini adalah dalam apa jua cara **tidak ditaja atau disokong oleh mana-mana pihak ketiga**.
- 9.2. Jika versi **bahasa lain** bagi terma-terma ini juga disediakan, versi bahasa Inggeris di <http://haircny.ulmcontest.com/> akan mengambil keutamaan sekiranya berlaku sebarang percanggahan.
- 9.3. **Setiap peruntukan Terma & Syarat Peraduan ini adalah boleh asing**. Jika mana-mana peruntukan didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah atau pihak berkuasa berwibawa lain, ketidaksahan atau ketidakbolehkuatkuasaan tersebut tidak akan menjejaskan baki Terma-Terma Peraduan ini.

## 10. Undang-Undang yang Mengawal dan Pertikaian

- 10.1. Peraduan ini (termasuk Terma & Syarat Peraduan ini dan mana-mana pertikaian berkaitan) adalah **dikawal oleh dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang** negara di mana Penganjur mempunyai alamat berdaftar atau utamanya seperti yang dinyatakan di dalam Butiran Peraduan, melainkan sehingga takat undang-undang wajib yang berkenaan disebabkan oleh lokasi atau sifat Peraduan, Hadiah atau peserta yang berkaitan.
- 10.2. Tanpa menyekat sesiapa daripada mendapatkan injuksi atau relief sementara lain di mahkamah yang berwibawa, jika pertikaian timbul, mahkamah negara di mana Penganjur mempunyai alamat berdaftar atau utamanya seperti yang dinyatakan di dalam Butiran Peraduan akan **menyelesaikan masalah**, melainkan sehingga takat anda mempunyai hak untuk menyelesaikan pertikaian di mahkamah bidang kuasa lain disebabkan oleh lokasi atau sifat Peraduan, Hadiah atau peserta berkaitan.

## Lampiran

### 1. Notis Privasi

Berikut adalah "Notis Privasi" bagi Peraduan yang dikenal pasti di bawah:

<b>Penganjur</b>	<b>Alamat Berdaftar/Utama:</b> Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Tingkat 34 , Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur; <b>Jawatan pegawai untuk dihubungi :</b> Pegawai Privasi Data, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Level 34 , Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur. Tel: 03-2246 2188
<b>Perihal Peraduan</b>	Unilever 'Gorgeous beautiful hair this new year' 2019
<b>Data Peribadi</b>	Data peribadi yang diperoleh daripada anda, termasuk di dalam borang peraduan atau disediakan sebagai sebahagian daripada proses penghantaran borang peraduan atau semasa pentadbiran berkaitan.  Data peribadi ini akan termasuk bagi Peraduan ini: [nama, imej/persamaan, suara]; [gambar dan video yang diambil semasa acara berkaitan];
<b>Tujuan Lanjut</b>	[Publisiti]; [Tujuan pengiklanan dan pemasaran berkaitan produk kami]; [Tujuan pendidikan]; [Menyediakan notis berkaitan produk, perkhidmatan, promosi dan acara yang mungkin menarik minat anda]; [Menjawab pertanyaan anda]; [Bagi tujuan pengauditan sekiranya berlaku pertikaian];
<b>Pihak Ketiga</b>	Data Peribadi mungkin didedahkan kepada pihak ketiga, misalnya kepada ibu pejabat, pejabat serantau, subsidiari, sekutu dan/atau anggota di dalam kumpulan syarikat Unilever, dan/atau pembekal perkhidmatan kami, yang mungkin terletak di luar Malaysia, bagi sebab-sebab berkaitan Tujuan.
<b>Dasar Unilever</b>	Dasar Privasi Unilever  <a href="http://www.unileverprivacypolicy.com/en_gb/policy.aspx">http://www.unileverprivacypolicy.com/en_gb/policy.aspx</a> <a href="http://www.unileverprivacypolicy.com/BahasaMalaysia/policy.aspx">http://www.unileverprivacypolicy.com/BahasaMalaysia/policy.aspx</a>

- 1.1 Semua Data Peribadi yang dipohon hendaklah disediakan supaya anda layak untuk menyertai Peraduan.
- 1.2 Data Peribadi akan diproses untuk **pentadbiran** Peraduan (pihak ketiga mungkin terlibat dalam pentadbiran ini).
- 1.3 Data Peribadi juga boleh diproses untuk **Tujuan Lanjut, termasuk oleh Pihak Ketiga**.
- 1.4 Jika anda berhasrat untuk:
  - a. mengakses, membetulkan, mengehadakan atau mengemaskini Data Peribadi anda yang dikumpul berhubung dengan Peraduan, atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan tentang pemprosesan maklumat sedemikian,
  - b. memohon penghapusan Data Peribadi, anda harus menghubungi Penganjur menggunakan maklumat hubungan berikut: Pegawai Privasi Data, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Tingkat 34, Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur. Tel: 03-2246 2188
- 1.5 Data Peribadi mungkin didedahkan atau dipindahkan kepada Pihak Ketiga (yang mungkin terletak di luar Malaysia) bagi pengurusan Peraduan dan/atau Tujuan Lanjut.

- 1.6 Untuk butiran lanjut tentang pemprosesan Data Peribadi anda, sila lihat [dasar Kumpulan Unilever yang berkenaan](#).

Perakuan berikut terpakai berhubung dengan Notis Privasi. Tandakan kotak hanya jika anda setuju dengan pernyataan:

<input type="checkbox"/> Saya berumur melebihi 18 tahun dan saya telah membaca dan memahami terma Notis Privasi ini dan memberikan kebenaran kepada pemprosesan Data Peribadi saya seperti yang diterangkan di atas.	
Di mana Data Peribadi berkaitan dengan kanak-kanak bawah umur (berumur bawah 18 tahun)	
<input type="checkbox"/> Saya adalah ibu bapa/penjaga sah kanak-kanak bawah umur yang mengambil bahagian ("Subjek Data") dan saya telah membaca dan memahami terma Notis Privasi ini dan dengan ini memberikan kebenaran kepada pemprosesan Data Peribadi saya dan Data Peribadi Subjek Data seperti yang diterangkan di atas.	
Nama Penuh Subjek Data	: .....
Tandatangan Ibu Bapa/Penjaga Sah	: .....
Nama Penuh Ibu Bapa/Penjaga Sah	: .....
Tarikh	: .....

## 2. Privacy Notice

The following is the "Privacy Notice" for the Contest identified below:

<b>Organiser</b>	<b>Registered/Primary address:</b> Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Level 34 , Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur;  <b>Designation of the contact person :</b> Data Privacy Officer, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Level 34 , Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur. Tel: 03-2246 2188
<b>Contest Description</b>	Unilever 'Gorgeous beautiful hair this new year' 2019
<b>Personal Data</b>	Personal data obtained from you, including within your entry or provided as part of the entry submission process or during related administration).  [This personal data will include for this Contest: [name, image/likeness, voice]; [pictures and videos taken during related events];
<b>Further Purposes</b>	[Publicity]; [Advertising and marketing purposes regarding our products]; [Educational purposes]; [Providing you with notice of related products, services, promotions and events which may be of interest to you]; [To respond to your inquiries]; [For auditing purposes in cases where there has been a dispute];
<b>Third Parties</b>	The Personal Data may be disclosed to third parties, such as to our headquarters, regional offices, subsidiaries, affiliates and/or members within the Unilever group of companies, and/or our service providers, which may be located outside Malaysia, for reasons relating to the Purpose.
<b>Unilever Policy</b>	Unilever Privacy Policy  <a href="http://www.unileverprivacypolicy.com/en_gb/policy.aspx">http://www.unileverprivacypolicy.com/en_gb/policy.aspx</a> <a href="http://www.unileverprivacypolicy.com/BahasaMalaysia/policy.aspx">http://www.unileverprivacypolicy.com/BahasaMalaysia/policy.aspx</a>



- 2.1 All Personal Data requested must be provided in order for you to be eligible to participate in the Contest.
- 2.2 The Personal Data will be processed for **administration** of the Contest (third parties may be involved in this administration).
- 2.3 The Personal Data may also be processed for the **Further Purposes, including by the Third Parties**.
- 2.4 If you wish to:
  - c. access, correct, limit or update your Personal Data collected in relation to the Contest, or to make any inquiries or complaints about the processing of such information,
  - d. require the deletion of the Personal Data, you should contact the Organiser using the following contact information: Data Privacy Officer, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Level 34, Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur. Tel: 03-2246 2188
- 2.5 The Personal Data may be disclosed or transferred to the Third Parties (which may be located outside Malaysia) for administration of the of the Contest and/or the Further Purposes.
- 2.6 For more details on processing of your Personal Data, see the **applicable Unilever Group policy**.

**The following acknowledgement applies in respect of the Privacy Notice. Check box only if you agree to the statement:**

<input type="checkbox"/> I am above 18 years and I have read and understood the terms of this Privacy Notice and consent to the processing of my Personal Data as described above.
<u>Where Personal Data relates to a minor (below 18 years old)</u> <input type="checkbox"/> I am the parent/legal guardian of the participating minor (" <b>Data Subject</b> ") and I have read and understood the terms of this Privacy Notice and hereby gives consent to the processing of my Personal Data and the Data Subject's Personal Data as described above.
Full Name of Data Subject : ..... Signature of Parent/Legal Guardian : ..... Full Name of Parent/Legal Guardian : ..... Date : .....